



**PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)
MOD PENDIDIKAN JARAK JAUH**

IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN DENGAN KEPUJIAN

MODUL PENDIDIKAN MUZIK

(MZU3104)

(ASAS PENDIDIKAN MUZIK)



**INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA**

Berkuat kuasa pada Jun 2011



FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Cetakan Jun 2011
Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

MODUL INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH (PGSR) IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN.

MODUL INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT.

Cetakan Jun 2011
Institut Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan	ii
Falsafah Pendidikan Guru	ii
Panduan Pelajar	vi
Pengenalan	ix
Agihan Tajuk	x
Tajuk Pembelajaran	
Tajuk 1 : Asas Falsafah Pendidikan Muzik	
1.0 Sinopsis	1
1.1 Hasil Pembelajaran	1
1.2 Kerangka Tajuk	1
1.3 Asas Falsafah Pendidikan Muzik	2
1.3.1 Pandangan Asas Falsafah Pendidikan Muzik	2
1.3.2 Implikasi Falasafah dalam Pendidikan Muzik	4
1.3.3 Kepentingan Falsafah dalam Pendidikan Muzik	5
1.4 Latihan	6
Rujukan	6
Tajuk 2 : Matlamat dan Fungsi Muzik dalam Pendidikan	
2.0 Sinopsis	7
2.1 Hasil Pembelajaran	7
2.2 Kerangka Tajuk	7
2.3 Matlamat dan Fungsi Muzik dalam Pendidikan	8
2.3.1 Rasional Pendidikan Muzik di Sekolah	8
2.3.2 Kemahiran Muzikal	9
2.3.3 Domain Pembelajaran Muzik	10
2.4 Latihan	12
Rujukan	12
Tajuk 3 : Asas Sosiologi Untuk Pendidikan Muzik	
3.0 Sinopsis	13
3.1 Hasil Pembelajaran	13
3.2 Kerangka Tajuk	13
3.3 Asas Sosiologi dalam Pendidikan	14
3.3.1 Tingkah Laku Muzikal	14
3.3.2 Faktor Sosiologi Mempengaruhi Tingkah Laku Muzikal	15
3.4 Latihan	17
Rujukan	

KANDUNGAN**MUKA SURAT****Tajuk Pembelajaran**

Tajuk 4 : Asas Psikologi Dalam Pendidikan Muzik	18
4.0 Sinopsis	18
4.1 Hasil Pembelajaran	18
4.2 Kerangka Tajuk	18
4.3 Asas Psikologi Untuk Pendidikan Muzik	19
4.3.1 Teori Perkembangan Kognitif Kanak-kanak	19
4.3.2 Motivasi	22
4.3.3 Faktor Persekitaran	23
4.3.4 Kebolehan Muzikal	23
4.3.5 Kreativiti	24
4.3.6 Sikap Terhadap Muzik	25
4.4 Latihan	26
Rujukan	27
Tajuk 5 : Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Muzik	
5.0 Sinopsis	28
5.1 Hasil Pembelajaran	28
5.2 Kerangka Tajuk	28
5.3 Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Muzik	29
5.3.1 Domain Kognitif (Taksonomi Bloom)	29
5.3.2 Domain Afektif (Taksonomi Krathwohl)	30
5.3.3 Domain Psikomotor (Simpson)	31
5.3.4 Hasil Pembelajaran Muzikal dalam Bentuk Tingkah Laku	33
5.4 Latihan	35
Rujukan	35
Bibliografi	36
Panel Penulis Modul	37
Ikon Modul	38

PENGENALAN

Modul pembelajaran ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah sendiri ini. Modul pembelajaran ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

PEMBELAJARAN ARAH KENDIRI

Pembelajaran arah sendiri memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran sendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

SASARAN KURSUS

Pelajar Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian yang mendaftar dengan Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (IPG KPM) di bawah Program Pensiswazahan Guru (PPG).

JAM PEMBELAJARAN PELAJAR (JPP)

Berdasarkan standard IPG KPM yang memerlukan pelajar mengumpulkan 40 jam pembelajaran bagi setiap jam kredit. Anggaran peruntukan jam pembelajaran adalah seperti dalam Jadual berikut;

Aktiviti-aktiviti Pembelajaran	Agihan Jam pembelajaran Mengikut Kredit Kursus					
	3 Kredit		2 Kredit		1 Kredit	
	Tanpa Amali (3+0)	Ada Amali (2+1) (1+2) (0+3)	Tanpa Amali (2+0)	Ada Amali (1+1) (0+2)	Tanpa Amali (1+0)	Ada Amali (0+1)
Membaca modul pembelajaran dan menyiapkan latihan / tugas terarah / amali	70	60	70	62	70	65
Menghadiri kelas interaksi bersemuka (5 kali)	10	10	5	5	5	5
Latihan Amali*	-	10	-	8	-	5
Perbincangan Atas Talian	7½	7½	5½	5½	5½	5½
Kerja Kursus	20	20	20	20	15	15
Ulangkaji	10	10	10	10	5	5
Amali/Peperiksaan	2½	2½	2½	2½	2½	2½
Jumlah Jam Pembelajaran	120		80		40	

* Latihan amali akan dijalankan pada hari Ahad atau melalui kursus intensif.

SUSUNAN TAJUK MODUL

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran sendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Ada di antara latihan ini mempunyai cadangan jawapan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial. Anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

IKON

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat.

PEPERIKSAAN DAN PENTAKSIRAN

Anda juga diperlukan untuk menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

Soalan peperiksaan akan meliputi semua tajuk dalam modul pembelajaran dan juga perbincangan

Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.
3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugas tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.
5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda tahu di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang boleh membantu pembelajaran anda.

Pengenalan

MZU 3104 Asas Pendidikan Muzik adalah salah satu kursus yang ditawarkan kepada pelajar yang mengambil program Sarjana Muda Perguruan mod jarak jauh dalam bidang Pendidikan Muzik. Di antara tajuk pembelajaran adalah seperti berikut;

Tajuk 1	Asas Falsafah Pendidikan Muzik
Tajuk 2	Matlamat dan Fungsi Muzik dalam Pendidikan
Tajuk 3	Asas Sosiologi untuk Pendidikan Muzik
Tajuk 4	Asas Psikologi dalam Pendidikan Muzik
Tajuk 5	Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Muzik

Hasil pembelajaran yang terdapat dalam modul ini, merupakan apa yang pelajar harus dapat lakukan atau capai setelah selesai membaca sesuatu tajuk. Pelajar juga digalakkan untuk merujuk hasil pembelajaran setiap tajuk pembelajaran bagi mengenal pasti sejauh mana pencapaian pelajar.

Dalam modul ini terdapat juga soalan-soalan latihan yang diketengahkan pada akhir setiap tajuk pembelajaran. Soalan-soalan ini menguji daya ingatan dan kefahaman pelajar tentang maklumat-maklumat yang telah baca. Oleh itu, pelajar adalah digalakkan untuk menjawab soalan-soalan latihan bagi menguji dan mengenalpasti sejauh mana mereka telah mengetahui dan memahami kandungan sesuatu tajuk.

Aktiviti-aktiviti untuk pelajar juga ada diselitkan pada bahagian-bahagian tertentu dalam sesuatu tajuk pembelajaran. Tujuan aktiviti-aktiviti pelajar diadakan adalah untuk pelajar berfikir secara mendalam selepas merujuk kepada laman web dan membaca artikel yang berkaitan dengan topik pembelajaran semasa. Selain itu pada penghujung setiap tajuk pembelajaran telah dicatatkan juga buku rujukan penulis bagi membantu pelajar membuat rujukan selanjutnya.

Akhir kata, selamat membaca dan selamat maju jaya. Semoga penulisan modul ini sedikit sebanyak membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pelajar tentang Asas Pendidikan Muzik sekali gus mengamalkan pengetahuan dan kemahiran tersebut di bilik darjah.



AGIHAN TAJUK

Kod & Nama Kursus: MZU 3104 ASAS PENDIDIKAN MUZIK

Kandungan modul ini dibahagi kepada lima tajuk/topik. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul.

INTERAKSI	TAJUK/TOPIK	JUMLAH JAM MENGIKUT PRO FORMA KURSUS
1	Asas Falsafah Pendidikan Muzik	8 jam
2	Matlamat dan Fungsi Muzik dalam Pendidikan	4 jam
3	Asas Sosiologi untuk Pendidikan Muzik	4 jam
4	Asas Psikologi untuk Pendidikan Muzik	8 jam
5	Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Muzik	6 jam
	JUMLAH	30 jam


Tajuk 1**ASAS FALSAFAH PENDIDIKAN MUZIK****1.0 Sinopsis**

Tajuk ini berkaitan dengan Asas Falsafah Pendidikan Muzik. Perbincangannya meliputi pandangan ahli-ahli falsafah terhadap pendidikan muzik. Selain itu turut diperbincangkan dalam topik ini adalah berkenaan dengan kepentingan dan implikasi falsafah ke atas pendidikan muzik .

1.1 Hasil Pembelajaran

Di akhir tajuk, anda seharusnya dapat;

- ✓ menghuraikan pandangan asas falsafah Pendidikan Muzik.
- ✓ mengenal pasti beberapa kepentingan falsafah dalam Pendidikan Muzik.
- ✓ menyatakan beberapa implikasi falsafah dalam Pendidikan Muzik.

1.2 Kerangka Tajuk

1.3 Asas Falsafah Pendidikan Muzik

Setiap pandangan falsafah merupakan usaha manusia untuk mencari jawapan kepada perkara yang benar, bagaimana ianya boleh dikatakan benar dan bagaimana perkara yang benar itu membentuk nilai kita. Justeru dalam mencari hubungan antara falsafah dengan pendidikan muzik maka amat wajarlah kedua-dua perkara ini di perbincangkan.

1.3.1 Pandangan Asas Falsafah Pendidikan Muzik

Sebagaimana yang kita maklum, falsafah merupakan pandangan, pemikiran dan kajian daripada tokoh-tokoh terkemuka. Ia digunakan sebagai pegangan fahaman dan prinsip seseorang terhadap sesuatu perkara. Selain itu falsafah turut dijadikan sebagai panduan dan landasan dalam membuat sesuatu keputusan. Sehubungan itu, dalam konteks pendidikan muzik, pandangan daripada tokoh-tokoh falsafah pendidikan muzik seperti Pestalozzi dan Reimer tidak boleh dinafikan.

Pestalozzi

Pestalozzi seorang pendidik berbangsa Swiss berpendapat bahawa pendidikan yang baik adalah melalui penggunaan pancaindera manusia. Menurut beliau, para pelajar perlu dididik mengikut perkembangan semulajadi mereka. Beliau juga percaya bahawa pengetahuan dan pengalaman sebenar adalah lebih berkesan daripada pengetahuan yang diterima melalui bacaan. Justeru pendidikan melalui penyertaan penting dan kaedah pengajaran yang sesuai dijalankan adalah *hands on* melalui aktiviti.

Berdasarkan kepada pendapat tersebut maka lahirlah apa yang dikatakan sebagai *Principles of the Pestalozzian System of Music* oleh para sarjana barat. Di antara prinsip-prinsip pengajaran muzik yang diketengahkan adalah mengajar bunyi-bunyi sebelum tanda-tanda atau simbol, mengajar satu aspek muzik pada satu masa sahaja dan pembelajaran aktif menerusi kaedah penemuan sendiri. Prinsip-prinsip pengajaran tersebut begitu popular dan telah menjadi pegangan para pendidik muzik sehingga kini.

Bennet Reimer

Falsafah Reimer terdiri daripada dua peringkat. Peringkat awal pandangan referentialisme dan formalisme. Peringkat kedua (terkini) adalah pandangan ekspresionalisme. Reimer menggunakan pengalaman estetik sebagai asas falsafahnya kerana beliau berpendapat bahawa kewujudan muzik adalah untuk membolehkan kita menikmati pengalaman estetik pada tahap tertinggi yang boleh dicapai oleh manusia. Menurut Reimer lagi, disebalik muzik dan seni itu terdapatnya nilai estetik. Justeru dalam memberi nilai intrinsik kepada pendidikan muzik, pengalaman estetik perlu diberi perhatian.

Berdasarkan pandangan referentialisme, Reimer percaya bahawa pengalaman estetik yang diperolehi menerusi persembahan sesuatu karya muzik akan lebih bermakna dan bernilai sekiranya difahami lingkungan yang mempengaruhi karya tersebut. Menurut beliau, nilai dan makna sesuatu karya muzik itu terkandung dalam idea, perkara dan objek yang tidak ada kaitan dengan karya tersebut. Sehubungan itu, proses atau perkembangan sesuatu karya muzik sangat penting jika dibandingkan dengan kualiti karya muzik itu sendiri.

Namun begitu pendapat tersebut berbeza dengan pandangan formalisme yang mana lebih mementingkan hasilan dan kualiti sesuatu karya seni. Menurut Reimer pengalaman estetik sesuatu karya muzik diperolehi jika dipertimbangkan dari sifat dan kualitinya bukan dikaitkan dengan hal-hal lain. Justeru kualiti sesuatu karya muzik adalah terikat kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Dari sudut pandang ekspresionalisme pula ianya tidak menafikan sumbangan faktor luaran dan dalaman penciptaan sesuatu karya muzik itu. Ekspresionalisme menekankan kepada kecederungan pengkarya seni memutarbelitkan kebenaran bagi memberi kesan emosi. Pada Reimer muzik melahirkan sesuatu yang umum dan perasaan yang sukar diucapkan. Ianya turut melibatkan proses perkembangan dan kualiti sesuatu karya muzik. Oleh yang demikian pengalaman estetik yang diperolehi adalah

merupakan sensitiviti dan responsif terhadap aspek-aspek yang terdapat dalam sesuatu karya muzik itu.

Berdasarkan perbincangan tentang dua tokoh falsafah pendidikan muzik tadi dapatlah ianya menjadi panduan kepada kita dalam membuat keputusan bagi menyelesaikan permasalahan yang melingkari dunia pendidikan muzik di sekolah. Tokoh pertama telah memberi kita panduan bagaimana untuk mengajar muzik manakala tokoh kedua pula memberi panduan kepada kita bagaimana hendak menilai muzik. Justeru persepsi pendidikan muzik sebagai mata pelajaran tempelan perlu diketepikan dengan hujah-hujah yang bernas. Pendidikan muzik mempunyai makna yang tersirat di dalamnya yang perlu dijelaskan dan dihayati serta dinikmati dengan sebaik mungkin.



1.3.2 Implikasi Falsafah dalam Pendidikan Muzik

Tradisinya perbincangan dalam disiplin falsafah dikumpulkan dibawah empat pandangan iaitu falsafah naturalisme, idealisme, realisme dan pragmatisme. Kesan daripada keempat-empat falsafah ini ke atas Pendidikan Muzik telah dipertimbangkan.

Mengikut pandangan falsafah naturalisme, pendidikan muzik haruslah seimbang dengan perkembangan fizikal dan mental semula jadi pelajar. Sehubungan itu pelajar digalakkan belajar tanpa gangguan guru. Peranan guru pula sebagai pembantu dan bukan sebagai pemberi maklumat. Guru dan pelajar perlu bergandingan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sementara itu, falsafah Idealisme pula mementingkan fahaman secara keseluruhan atau komprehensif yang mana pelajar dilengkapkan dengan kemahiran dan pengetahuan muzik. Pelajar memperolehi pengetahuan dan kemahiran muzik menerusi guru dan sumber lain. Dalam erti kata lain guru adalah model kepada pelajar.

Dari sudut pandang falsafah realisme, pelajar boleh belajar muzik dengan lebih berkesan melalui kaedah pemerhatian dan pembuktian secara saintifik. Dalam konteks ini, apa yang dilihat oleh pelajar adalah realiti yang sebenarnya. Sehubungan itu, organisasi sekolah dan guru perlu membentuk pelajar melalui disiplin dan kurikulum yang telah ditetapkan.

Dalam hal yang sama, falsafah pragmatisme pula berpendapat bahawa, setiap pelajar ialah insan yang unik dari segi biologi, sosiologi dan psikologi. Ianya harus dihormati serta diberi keutamaan. Sehubungan itu, pengalaman dan aktiviti muzikal pelajar dianggap amat penting untuk pengajaran dan pembelajaran.

**Aktiviti 1.3.2**

Hasilkan satu pengurusan grafik berkenaan dengan kepentingan falsafah dalam pendidikan muzik.

1.3.3 Kepentingan Falsafah dalam Pendidikan Muzik

Di antara kepentingan falsafah dalam pendidikan muzik adalah ianya membolehkan seseorang pendidik muzik mempunyai fahaman yang sistematik dan komprehensif terhadap apa yang dilakukannya di bilik darjah. Selain itu ia membolehkan pelajar memahami isu-isu asas dalam kehidupan mereka dengan lebih baik. Seterusnya ia turut memudahkan pendidik muzik menghuraikan rasional dan justifikasi mengapa mata pelajaran pendidikan

muzik sangat penting di sekolah. Akhir sekali, kepentingan falsafah pendidikan dalam pendidikan muzik turut membolehkan seseorang pendidik muzik bersikap lebih tekal terhadap apa yang dilakukannya di dalam dan di luar bilik darjah.

**Aktiviti 1.3.3**

Sediakan peta minda mengenai implikasi falsafah dalam pendidikan muzik.

1.4 Latihan

1. Mengapakah falsafah harus dikaitkan dengan pendidikan muzik?
2. Bincangkan implikasi falsafah terhadap pendidikan muzik.

**Rujukan**

Johami Abdullah, (1993). *Pendidikan Muzik Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Reimer, B. (2002). *A Philosophy of Music Education: Advancing the Vision* (3rd Ed). London: Prentice Hall.

http://www.uwosh.edu/faculty_staff/liske/philosophy.html

<http://edinmusic.blogspot.com/2006/12/my-first-philosophy-of-music-education.html>

Tajuk 2	MATLAMAT DAN FUNGSI MUZIK DALAM PENDIDIKAN
----------------	---

2.0 Sinopsis


Dalam tajuk ini perbincangan adalah menjurus kepada rasional mengapa perlunya pendidikan muzik diadakan disekolah. Selain itu, turut diperbincangkan adalah domain pembelajaran muzik dan kemahiran muzikal yang perlu diajar disekolah.

2.1 Hasil Pembelajaran

Di akhir tajuk, anda seharusnya dapat;

- ✓ menjelaskan rasional pendidikan muzik di sekolah
- ✓ menyenaraikan kemahiran muzikal yang dicadangkan oleh MENC
- ✓ menghubungkan domain pembelajaran muzik dengan aktiviti muzikal di bilik darjah

2.2 Kerangka Tajuk



2.3 Matlamat dan Fungsi Muzik dalam Pendidikan

Di antara matlamat dan fungsi muzik dalam pendidikan adalah untuk membolehkan pelajar berfungsi dan hidup secara bermasyarakat dengan baik. Selain itu matlamat dan fungsi muzik dalam pendidikan adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu. Dalam pada itu, menyampaikan warisan budaya dan pengetahuan lama kepada generasi muda juga merupakan salah satu matlamat dan fungsi muzik dalam pendidikan. Sementara matlamat dan fungsi muzik dalam pendidikan yang terakhir adalah muzik menyempurnakan lagi kehidupan manusia.

2.3.1 Rasional Pendidikan Muzik di Sekolah

Muzik merupakan satu bidang yang begitu kaya dengan beraneka jenis pengetahuan, kemahiran dan cara berfikir. Sebagai alat komunikasi, ia boleh digunakan untuk membantu penyampaian pengajaran mata pelajaran-mata pelajaran yang lain dengan berkesan. Selain turut memperkembangkan intelek pelajar menerusi kebolehan untuk bermain alat muzik, menyanyi atau pun menghayati muzik, kemahiran belajar pelajar iaitu kemahiran mendengar juga dapat ditingkatkan menerusi muzik.

Muzik yang pada mulanya dianggap sebagai hiburan, sebenarnya mampu mengurangkan tekanan perasaan pelajar. Ianya juga turut membantu pelajar meluahkan emosi secara terkawal. Sehubungan itu muzik berpotensi untuk mempengaruhi kelakuan dan pemikiran pelajar. Aktiviti muzikal yang menghiburkan adalah alat untuk memupuk disiplin pelajar. Bakat seni, daya kreatif ekspresi diri pelajar diperkembangkan secara terkawal. Melaluinya, nilai-nilai murni seperti kerjasama kumpulan dan semangat berpasukan dapat dibentuk.

Pendidikan muzik merupakan satu saluran yang sihat untuk mencapai matlamat pendidikan yang utama iaitu mewariskan budaya sesuatu bangsa. Muzik yang selalu dimainkan dalam adat istiadat sesuatu bangsa telah diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi secara tidak formal. Justeru potensi muzik yang terpendam di kalangan para pelajar harus dicungkil dan dipelihara. Menerusi pembelajaran muzik secara formal dan sistematik ianya mampu meningkatkan tahap penghayatan muzik dalam kalangan pelajar. Penglibatan pelajar yang aktif dalam aktiviti muzik turut membentuk pemahaman pelajar tentang peranan dan kedudukan muzik dalam masyarakat. Oleh itu muzik juga dapat mengaitkan perkembangan manusia dari perspektif sejarah.

**Aktiviti 2.3.1**

Sediakan pengurusan grafik berkaitan dengan rasional pendidikan muzik diadakan disekolah.

2.3.2 Kemahiran Muzikal

Music Educators National Conference (MENC) yang merupakan Persatuan Pendidik Muzik di Amerika Syarikat telah mencadangkan 11 kecekapan muzikal yang patut dijadikan objektif utama dalam satu program muzik dari peringkat sekolah rendah hingga peringkat sekolah menengah. Di antara kemahiran atau kecekapan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- a) Kemahiran mendengar muzik
- b) Kemahiran menyanyi
- c) Kemahiran bermain sekurang-kurangnya satu alat muzik
- d) Kemahiran memahami dan menulis notasi muzik
- e) Memahami reka bentuk dan konsep muzik
- f) Memahami sejarah muzik

- g) Memahami aspek perhubungan yang wujud antara muzik dengan arena-arena kehidupan manusia yang lain
- h) Memahami peranan dan kedudukan muzik dalam masyarakat
- i) Menghargai muzik
- j) Mendapat pengalaman-pengalaman muzikal seperti menghadiri persembahan konsert
- k) Menilai muzik dengan bijaksana

**Aktiviti 2.3.2**

Anda dikehendaki melayari internet dan mendapatkan maklumat tambahan mengenai kemahiran muzikal yang dicadangkan oleh MENC.

2.3.3 Domain Pembelajaran Muzik

Terdapat empat domain dalam pembelajaran muzik. Domain-domain ini terdiri daripada domain kognitif, afektif, psikomotor dan estetika. Pada kebiasaannya domain-domain ini mempunyai kaitan dengan aktiviti muzikal yang dijalankan di bilik darjah. Pemahaman guru tentang domain-domain tersebut juga akan membantu guru merancang dan melaksanakan aktiviti muzikal di bilik darjah dengan lebih berkesan.

Domain Kognitif

Domain kognitif pembelajaran muzik adalah berdasarkan kepada Taksonomi Bloom. Ia berkaitan dengan aktiviti muzikal yang melibatkan pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Sebagai contoh menamakan not-not yang terdapat pada baluk ataupun memahami fungsi triad dalam pembentukan harmoni. Yang nyata aktiviti-aktiviti tersebut akan menjana pemikiran yang kreatif dan kritis yang membolehkan peningkatan darjah keintelektualan pelajar.

Domain Afektif

Domain afektif pembelajaran muzik pula berkaitan dengan kesedaran diri, perasaan, minat, sikap dan usaha pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran muzik. Di antara contoh aktiviti muzikal yang melibatkan domain afektif adalah seperti pelajar memberi tumpuan dan respon terhadap muzik yang didengar. Justeru domain afektif dalam pembelajaran muzik adalah berkaitan dengan peningkatan usaha dan sikap pelajar terhadap muzik.

Domain Psikomotor

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, para psikologi biasanya tidak menitik beratkan domain pembelajaran psikomotor. Namun begitu ianya merupakan domain yang utama dalam proses pengajaran pembelajaran muzik. Domain psikomotor ini melibatkan pergerakan fizikal anggota badan dan kemahiran muzikal pelajar dalam pembelajaran muzik. Sebagai contoh postur badan ketika menyanyi sambil duduk atau pun berdiri. Lagi satu contoh aktiviti yang melibatkan domain psikomotor adalah penjarian tangan ketika memainkan skel major di piano.

Berdasarkan contoh aktiviti muzikal tadi dapatlah kita fahami mengapa domain psikomotor begitu penting dalam pembelajaran muzik. Kemahiran psikomotor sebenarnya memandu pelajar untuk membuat keputusan yang tepat dalam masa yang singkat. Ianya bukan sahaja melibatkan daya tahan otot-otot tersebut semasa melakukan aktiviti-aktiviti muzik tetapi turut menguji sejauh mana minda pelajar mampu mengawal otot-otot pergerakan kepada tahap yang dikehendaki. Oleh itu domain ini berbeza daripada domain kognitif daripada aspek menilai tahap intelek pelajar.

Domain Estetika

Domain estetika berkait rapat dengan bagaimana pelajar memperoleh pengalaman estetik dan menghargai nilai-nilai kesenian serta nilai-nilai murni yang terdapat dalam aktiviti muzikal di bilik darjah. Pengalaman estetik turut melibatkan intelek dan emosi pelajar. Sebagai contoh kepuasan seorang pelajar menyanyikan lagu Kain Songket dengan penuh lemah gemalai di hadapan para penonton dan kepuasan penonton yang menyaksikan persembahan tersebut. Justeru kualiti nyanyian pelajar dan tahap tumpuan yang diberikan oleh penonton mempunyai kaitan dengan pengalaman estetik.



Aktiviti 2.3.3

Sediakan pengurusan grafik menghubungkan domain pembelajaran muzik dengan aktiviti muzikal di bilik darjah

2.4 Latihan

1. Apakah matlamat dan fungsi muzik dalam pendidikan.
2. Jelaskan rasional dan kepentingan pendidikan muzik diadakan di sekolah.
3. Bincangkan empat domain pembelajaran muzik di bilik darjah.



Rujukan

- Elliott, D. J. (1995). *Music Matters: A New Philosophy of Music Education*. New York: Oxford University Press.
- Johami Abdullah, (1993). *Pendidikan Muzik Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reimer, B. (2002). *A Philosophy of Music Education: Advancing the Vision* (3rd Ed). London: Prentice Hall.


Tajuk 3**ASAS SOSIOLOGI UNTUK PENDIDIKAN MUZIK****3.0 Sinopsis**

Dalam tajuk ini perbincangan adalah menjurus kepada apa itu tingkah laku muzikal dalam konteks pendidikan muzik dan bagaimana tingkah laku muzikal boleh berlaku.

3.1 Hasil Pembelajaran

Di akhir tajuk, anda seharusnya dapat;

- ✓ mengenalpasti faktor yang mendorong manusia bertingkah laku
- ✓ menjelaskan tentang tingkah laku muzikal yang terdapat dalam pendidikan muzik
- ✓ mengkaji faktor dalaman dan faktor luaran yang menyumbang kepada tingkah laku muzikal.

3.2 Kerangka Tajuk

3.3 Asas Sosiologi Untuk Pendidikan Muzik

Manurut pendapat para sarjana sosiologi, terdapat dua faktor yang mendorong manusia untuk bertingkah laku. Pertama adalah disebabkan faktor genetik dan yang kedua adalah disebabkan faktor persekitaran. Faktor genetik mempunyai perkaitan dengan aspek biologi seperti personaliti dan potensi untuk bertingkah laku. Manakala faktor persekitaran berkait rapat dengan ransangan persekitaran atau tempat individu itu dibesarkan.

3.3.1 Tingkahlaku Muzikal

Untuk mengenali tingkah laku muzikal kita perlu memahami definasi muzik terlebih dahulu. Sebagaimana kita maklum muzik ditafsirkan sebagai bunyi-bunyian dan kesenyapan yang disusun atau digubah untuk memperolehi keindahan bentuk dan penyatuan perasaan. Oleh yang demikian perkataan muzik juga telah menunjukkan bahawa muzik merupakan satu lagi jenis tingkah laku manusia dalam masyarakat.

Tingkah laku manusia yang melibatkan unsur-unsur muzik dikenali sebagai tingkah laku muzikal. Tingkah laku ini terdiri daripada persembahan, pendengaran dan literasi muzik. Di antara contoh tingkah laku muzikal yang melibatkan persembahan muzik adalah seperti penghasilan muzik secara improvisasi. Manakala contoh tingkah laku muzikal yang melibatkan pendengaran muzik adalah seperti tindak balas emosi menerusi pergerakan. Bagi tingkah laku literasi muzik pula contoh yang boleh diberikan adalah seperti bacaan semerta notasi muzik. Justeru tingkah laku muzikal merupakan satu proses kreatif manusia yang melibatkan aspek fizikal dan pendengaran.

Tingkah laku muzikal juga merupakan satu tingkah laku manusia yang unik. Dalam konteks pendidikan ianya membantu pelajar memperoleh pengalaman estetika menerusi aktiviti kemahiran mendengar muzik secara analatikal, dan bermain alat muzik. Tingkah laku muzikal yang aktif akan menggalakkan perkembangan kognitif (dari segi emosi, intelek, rohani, jasmani), afektif dan psikomotor pelajar. Sehubungan itu, tingkah laku muzikal yang aktif dan terkawal di bilik darjah mampu meningkatkan kualiti kehidupan pelajar.

**Aktiviti 3.3.1**

Sediakan pengurusan grafik mengenai tingkah laku muzikal yang boleh diperolehi di dalam bilik darjah.

3.3.2 Faktor Sosiologi Mempengaruhi Tingkahlaku Muzikal

Dua faktor yang mendorong manusia bertingkah laku. Di antaranya ialah faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman terdiri daripada faktor genetik dan faktor biologi. Sementara faktor luaran terdiri daripada faktor persekitaran semula jadi dan faktor pemasyarakatan.

Faktor genetik mempunyai kaitan dengan darah keturunan seseorang. Sebagai contoh dalam sebuah keluarga jika bapanya seorang pemuzik maka salah seorang anaknya berkemungkinan besar mempunyai kemahiran muzikal setanding bapanya. Anak itu bertingkah laku muzikal disebabkan oleh genetik sedia ada.

Manakala faktor biologi pula berkenaan pembentukan fizikal manusia yang mempengaruhi hasil seni. Sebagai contoh nyanyian suara lelaki dan wanita yang berbeza. Namun sekiranya digabungkan ianya menghasilkan suara harmoni yang mengasyikkan.

Walau bagaimanapun kita tidak boleh menafikan faktor luaran yang turut menyumbang kepada pembentukan tingkah laku muzikal. Faktor luaran seperti faktor persekitaran semulajadi dan faktor pemasyarakatan memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku muzikal seseorang.

Dalam konteks faktor persekitaran semulajadi, ianya berkait rapat dengan keadaan persekitaran individu yang mendorong kepada bertingkah laku muzikal. Sebagai contoh seseorang penggembala kambing yang duduk berseorangan, meniup seruling bagi menghiburkan hati sementara menunggu kambing-kambingnya memakan rumput. Secara tidak langsung penggembala kambing tersebut telah melakukan apa yang dikatakan sebagai tingkah laku muzikal dari aspek persembahan.

Selain faktor persekitaran semulajadi, faktor pemasyarakatan turut mendorong kepada tingkah laku muzikal. Sebagai contoh sekumpulan pelajar membuat persembahan gamelan. Para pelajar bertingkah laku muzikal sedemikian adalah disebabkan desakan masyarakat untuk mengekalkan dan memelihara warisan budaya bangsa. Sehubungan itu tingkah laku muzikal di luar norma masyarakat setempat amat payah diterima oleh masyarakat tersebut.

Berdasarkan perbincangan tadi dapatlah disimpulkan bahawa faktor dalaman dan luaran seseorang telah mempengaruhi tingkah laku muzikal individu. Walaupun para sarjana berselisih pendapat tentang kedua-dua faktor ini, sebagai pendidik kita akui bahawa penggabungan kedua-dua faktor ini telah menyumbang kepada tingkah laku muzikal di bilik darjah. Bukti nyata jelas terlihat didepan mata apabila kita menggunakan muzik sebagai alat bantu mengajar. Respon yang diberikan pelajar terhadap aktiviti muzikal begitu menggalakkan dan menyeronokkan sehingga terhasilnya tingkah laku muzikal.

**Aktiviti 3.3.2**

Anda dikehendaki melayari internet dan mendapatkan maklumat tambahan mengenai faktor sosiologi yang mempengaruhi tingkah laku muzikal.

3.4 Latihan

1. Apakah dua faktor yang mendorong manusia bertingkah laku.
2. Terangkan maksud tingkah laku muzikal dalam konteks pendidikan muzik.
3. Bincangkan faktor dalaman dan faktor luaran yang mendorong kepada tingkah laku muzikal.



Rujukan

- Abeles H. F., Hoffer C. R. & Klotman R.H. (1995). *Foundations of Music Education*. (2nd ed). New York. Macmillan.
- Johami Abdullah, (1993). *Pendidikan muzik semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reimer, B. (2002). *A Philosophy of Music Education: Advancing the Vision* (3rd Ed). London: Prentice Hall.


Tajuk 4**ASAS PSIKOLOGI DALAM PENDIDIKAN MUZIK****4.0 Sinopsis**

Dalam tajuk ini perbincangan adalah menjurus kepada asas psikologi dalam pendidikan muzik. Di antara tajuk-tajuk kecil yang dibincangkan adalah berkaitan dengan teori perkembangan kognitif kanak-kanak, motivasi, faktor persekitaran, kebolehan muzikal, kreativiti, dan sikap terhadap muzik.

4.1 Hasil Pembelajaran

Di akhir tajuk, anda seharusnya dapat;

- ✓ mengenalpasti teori perkembangan kognitif kanak-kanak dan model pembelajaran muzik
- ✓ mempertimbangkan faktor psikologi yang mempengaruhi tingkahlaku muzikal

4.2 Kerangka Tajuk

4.3 Asas Psikologi dalam Pendidikan Muzik

Psikologi pendidikan muzik boleh ditakrifkan sebagai satu kajian saintifik yang dibuat secara sistematik terhadap pembelajaran, tingkah laku dan interaksi manusia dengan muzik. Ia merupakan gabungan tiga disiplin ilmu iaitu psikologi, pendidikan dan muzik. Sehubungan itu psikologi pendidikan muzik mampu membekalkan para pendidik muzik dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang berguna dalam mendidik para pelajar.

4.3.1 Teori Perkembangan Kognitif kanak-Kanak

Teori perkembangan kognitif kanak-kanak telah diperkenalkan oleh Piaget pada tahun 1952. Menurut Piaget, proses pemikiran kita berubah secara menyeluruh bermula selepas dilahirkan sehingga kita mencapai kematangan. Sehubungan itu beliau berpendapat bahawa perkembangan kognitif kanak-kanak adalah meliputi empat peringkat iaitu peringkat deria motor (0-2 tahun), peringkat pra operasi (2-7 tahun), peringkat operasi konkrit (7-12 tahun) dan peringkat operasi formal (12 tahun ke atas). Di peringkat deria motor (0-2 tahun) proses pembelajaran berlaku menerusi pengalaman pancaindera kanak-kanak secara langsung dengan alam sekeliling. Sementara di peringkat pra operasi (2-7 tahun) proses pembelajaran kanak-kanak berlaku menerusi manipulasi dengan objek yang mana rangsangan yang diperolehi ditukar kepada simbol bagi pengekalan. Manakala di peringkat operasi konkrit (7-12 tahun), proses pembelajaran berlaku secara sistematik dengan kanak-kanak melihat objek secara konkrit dan bukannya secara abstrak. Di peringkat operasi formal (12 tahun ke atas), proses pembelajaran adalah secara abstrak yang menggunakan logik, hujahan dan penaaakulan deduktif.

Pada tahun 70an Edwin Gordon telah memperkenalkan teori pembelajaran muzik (*music learning theory*). Beliau berpendapat bahawa proses kemajuan pemikiran pelajar dengan matlamat *audiation* berlaku dalam lapan peringkat

bermula dengan pengalaman aural / oral dengan muzik, dan berakhir dengan pemahaman teori. Tambah beliau lagi, *audiation* merupakan asas kemahiran pemuzik dan sejenis proses kognitif yang mana otak memberi makna kepada bunyi muzikal (mendengar dan memahami muzik dalam minda). Oleh yang demikian ianya setaraf dengan pemikiran bahasa. Justeru perkembangan kognitif kanak-kanak dalam pembelajaran muzik mempunyai persamaan dengan bagaimana kanak-kanak menguasai bahasa.

Walau bagaimanapun berdasarkan kajian para sarjana yang terdahulu didapati bahawa pengajaran muzik menjadi tidak seronok apabila kanak-kanak berada pada peringkat operasi formal. Ini adalah disebabkan oleh penerimaan serta pengaruh muzik di luar sekolah yang begitu kuat sehingga menolak jenis muzik yang perlu dipelajari mengikut kurikulum sekolah.

Justeru pada tahun 1965, dibawah pengarahannya Ronald B. Thomas telah dianjurkan *Manhattanville Music Curriculum Program* (MMCP). Projek ini memberi fokus kepada penemuan dan penerokaan bunyi bagi menghasilkan muzik. *Manhattanville Music Curriculum Program* (MMCP) telah menggunakan Lingkaran Kurikulum (*Spiral Curriculum*) dalam memperkenalkan konsep baru pendidikan muzik menerusi *action-oriented cycles*. Dalam lingkaran kurikulum ini, konsep muzik telah diterapkan kepada para pelajar berdasarkan tahap perkembangan kognitif mereka. Para pelajar yang mengikuti program ini telah digalakkan untuk bereksperimen dengan bunyi muzikal dan persekitaran. Di waktu yang sama, mereka juga diberi kemahiran dalam aural, persembahan dan notasi muzik.

Seterusnya dalam tahun 1986, Swanwick dan Tilman telah memperkenalkan model "Spiral" yang berkaitan dengan perkembangan muzikal kanak-kanak. Model ini dihasilkan berdasarkan kepada lingkaran kurikulum MMCP. Dalam model tersebut, mereka telah memperlihatkan tentang empat tahap perkembangan muzikal kanak-kanak iaitu tahap masteri (penguasaan), tahap imitasi (peniruan), tahap permainan imaginatif dan tahap metakognitif.

Menurut Swanwick dan Tilman, pada tahap masteri, perkembangan kognitif kanak-kanak (usia 0-4 tahun) akan bergerak secara beransur-ansur dari penguasaan deria (sensori motor) kepada manipulatif tingkah laku muzikal yang melibatkan teknik. Sementara pada tahap imitasi (peniruan) pula perkembangan muzikal kanak-kanak (usia 4-9 tahun) akan beralih secara beransur-ansur dari ekspresi peribadi secara spontan kepada vernikular yang melibatkan pengorganisasian melodi atau irama. Manakala pada tahap permainan imaginatif (usia kanak-kanak 10-15 tahun) perkembangan muzikal kanak-kanak akan bergerak dari spekulatif (percubaan bebas / eksperimen) kepada idiomatik yang berupa bentuk muzik. Seterusnya pada tahap metakognitif pula, perkembangan muzikal kanak-kanak (15 tahun ke atas) akan bergerak dari ekspresi yang diluahkan secara simbolik kepada sistematik yang berasaskan nilai dan kesedaran diri.

Kesimpulannya bertitik tolak daripada teori perkembangan kognitif kanak-kanak Jean Piaget telah menghasilkan pelbagai teori dan model baru bagi tujuan memandu para pendidik muzik untuk menghasilkan satu pengajaran dan pembelajaran muzik di bilik darjah yang berkesan. Kebijaksanaan pendidik muzik memindahkan pengetahuan teori dan model berkaitan akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran muzik lebih bermakna. Justeru tidak dinafikan tentang peranan seni dan sains di bilik darjah dalam memberi ilmu dan pengalaman muzikal kepada kanak-kanak.

**Aktiviti 4.3.1**

Anda dikehendaki melayari internet dan mendapatkan maklumat tambahan mengenai teori pembelajaran muzik (music learning theory) yang dipelopori Edwin Gordon dalam meningkatkan kemahiran muzikal pelajar

4.3.2 Motivasi

Motivasi ialah daya usaha yang digunakan oleh seseorang untuk melakukan sesuatu perubahan dalam tingkahlaku. Jenis motivasi iaitu desakan asas atau desakan sampingan yang digunakan dalam sesuatu situasi adalah amat penting. Desakan asas ialah keperluan manusia untuk hidup-mati atau *survival*. Desakan sampingan ialah keperluan psikologi manusia untuk mendapat kepuasan intrinsik atau ektrinsik atau kedua-duanya.

Dalam konteks pendidikan muzik, guru bertanggungjawab untuk memotivasikan murid. Di antara bentuk motivasi yang diberikan oleh guru adalah seperti merangsangkan minat murid terhadap muzik, menggalakkan penyertaan murid dalam aktiviti muzikal dan membina semangat kerjasama kumpulan dalam menghadapi cabaran untuk menghasilkan sebuah persembahan muzikal. Pembelajaran muzik akan lebih bermakna sekiranya murid sentiasa dimotivasikan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.



Aktiviti 3.3.2

Bagaimanakah anda mengatasi cabaran dalam menghasilkan sebuah persembahan muzikal di sekolah? Jelaskan dalam pengurusan grafik.

4.3.3 Faktor Persekitaran

Salah satu di antara faktor-faktor asas yang mempengaruhi pembelajaran ialah faktor persekitaran. Yang dimaksudkan dengan faktor persekitaran di sini, adalah merujuk kepada tempat berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran yang mengaitkan budaya pelajar, budaya sekolah dan organisasi sekolah. Selain itu turut dikaitkan bersama adalah aspek peribadi, sikap dan tingkah laku guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Justeru strategi pengajaran dan pembelajaran guru turut menyumbang kepada pembentukan tingkah laku muzikal pelajar.



Aktiviti 4.3.3

Anda dikehendaki melayari internet dan mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan bagaimana faktor persekitaran mempengaruhi tingkah laku muzikal pelajar di bilik darjah

4.3.4 Kebolehan Muzikal

Kebolehan muzikal merupakan segala kemahiran muzik seseorang individu yang diperolehi melalui faktor genetik dan faktor persekitaran sama ada secara pengajaran dan pembelajaran muzik yang formal atau tidak formal. Dalam hal ini, dua aliran fikiran yang utama telah wujud bagi membincangkan mengenai kebolehan muzikal. Aliran fikiran yang pertama yang diasaskan oleh Carl Seashore dinamakan sebagai teori spesifik manakala aliran fikiran yang kedua (teori serbaneka) dipelopori oleh J.L. Mursell dan H.D. Wing. Menurut pengamal teori spesifik, kebolehan muzikal tidak boleh dipersepsikan sebagai menyeluruh atau monolitik dan ianya tidak bergantung kepada satu sifat atau tabiat sahaja. Sementara pengamal teori serbaneka pula sebaliknya iaitu mempersepsikan kebolehan muzikal sebagai satu kemahiran sahaja dengan satu sikap atau pandangan yang dibuat secara menyeluruh atau holistik.

Namun demikian perbezaan kedua-dua pendapat tadi telah imbangi dengan satu lagi aliran fikiran yang ditunjangi oleh Shuter. Aliran fikiran ketiga ini mengambil kedudukan pertengahan di antara dua aliran fikiran tersebut. Pengamal aliran fikiran ketiga ini berpendapat bahawa kebolehan muzikal seseorang itu didasari oleh beberapa kumpulan tertentu yang mengandungi faktor-faktor spesifik seperti kecerdasan, kebolehan mempersepsikan pic dan sebagainya.



Aktiviti 4.3.4

Sediakan pengurusan grafik berkaitan dengan kebolehan muzikal berdasarkan faktor genetik dan faktor persekitaran.

4.3.5 Kreativiti

Apabila membincangkan tentang istilah kreativiti kita tidak boleh lari dari membicarakan tentang istilah kreatif. Istilah kreatif dan kreativiti mempunyai hubungan yang erat. Kreatif bermaksud kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli sementara kreativiti pula ditakrifkan sebagai aktiviti mental yang menghasilkan konsep dan idea-idea baru atau hubungan baru antara idea-idea atau konsep yang sedia ada.

Sebagaimana mana yang kita maklum, kreatif merupakan pernyataan minda yang mana akal fikiran berfikir di luar dari kebiasaan dan melebihi had yang dijangka. Istilah kreatif begitu subjektif dan sukar untuk mengukurnya justeru istilah kreatif pada kebiasaannya diguna pakai dalam menilai sebuah karya seni dan ini berbeza dengan istilah inovatif.

Dalam hal yang lain, kreativiti ialah kemenjadian sesuatu yang tidak wujud sebelum ini, sama ada sebagai produk, proses atau pemikiran. Kreativiti itu adalah hasil dari aktiviti kerja otak kanan dan ia tidak menuntut adanya logik kerana ianya lahir dari pemikiran yang kritis. Dalam konteks kreativiti muzikal, ianya boleh dikaitkan dengan bagaimana sebuah muzik itu di improvisasi bagi menghasilkan kesan yang berbeza daripada muzik asalnya.

Sebagai contoh sebuah lagu ciptaan seniman agung P. Ramlee yang bertajuk “Tiada Kata Secantik Bahasa” yang telah digubah semula oleh sebuah band Indie bagi memenuhi citarasa muda mudi pada waktu ini. Nilai estetikanya begitu berbeza dengan yang asli tapi tetap diterima oleh masyarakat pada hari ini. Hakikatnya proses kreativiti itu melibatkan perasaan dalaman, pengalaman dan kebolehan ataupun kemahiran individu itu.

Kreativiti tidak boleh direncanakan sebaliknya ia akan bertindak di saat-saat genting. Namun demikian, kreativiti boleh diperlihatkan dengan pelbagai cara. Di antaranya ialah menerusi penciptaan sesuatu karya seni yang tidak pernah wujud sebelum ini, atau yang wujud di tempat lain tetapi tidak diketahui tentangnya. Selain itu kreativiti juga boleh diperlihatkan dengan mencipta satu proses baru untuk melakukan sesuatu karya atau menukar cara orang lain melihat pada sesuatu. Oleh yang demikian, dalam konteks kreativiti muzikal, kreativiti jelas terdapat dalam komposisi sesebuah persembahan muzik. Sebagai contoh sebuah melodi yang siap dicipta telah digubah dengan memasukkan muzik iringan bagi memberi ekspresi yang diinginkan.

**Aktiviti 4.3.4**

Berdasarkan pemahaman anda mengenai tajuk Kreativiti, hasilkan satu peta minda .

4.3.6 Sikap Terhadap Muzik

Sikap seseorang terhadap muzik sama ada untuk bersikap positif atau negatif bergantung kepada pembolehubah-pembolehubah tertentu. Terdapat tiga jenis pembolehubah yang membentuk sikap seseorang terhadap muzik di antaranya ialah latar belakang pendengar, jenis muzik yang diperdengarkan dan situasi ketika mendengar sesuatu muzik.

Selain itu usia dan pengalaman pendengar turut mempengaruhi pembentukan sikap terhadap muzik. Sebagai contoh seorang anak remaja bersikap negatif terhadap muzik asli berbanding dengan datuknya. Remaja tersebut lebih gemar kepada muzik alternatif rock kerana ianya lebih bertenaga dan sesuai dengan jiwa remajanya. Manakala datuknya lebih selesa mendengar muzik asli kerana telah dibesarkan dengan muzik tersebut. Justeru tidak dinafikan usia dan pengalaman seseorang turut menyumbang kepada pembentukan sikap seseorang terhadap muzik.

Sikap seseorang terhadap muzik turut mempunyai hubungan dengan aspek muzik yang terdapat di dalam muzik tersebut. Sebagai contoh rangsangan daripada muzik enegetik (bertenaga) yang menekan aspek irama akan menyebabkan anggota badan bertindak balas terhadap muzik tersebut. Selain itu, lirik lagu dan mutu persembahan muzik turut menyumbang kepada pembentukan sikap seseorang terhadap muzik. Sebagai contoh seseorang anak muda yang berada di perantaun tiba-tiba sahaja mengalirkan air mata apabila mendengar dan menghayati lirik lagu “Ayah dan Ibu” dendangan Allayarham Sudirman Hj. Arshad. Sehubungan itu tidak dinafikan bahawa lirik lagu dan mutu persembahan muzik turut mempengaruhi kepada pembentukan sikap positif atau negatif seseorang terhadap muzik.



Aktiviti 4.3.6

Anda dikehendaki melayari internet dan mendapatkan maklumat tambahan mengenai sikap seseorang terhadap muzik.

4.4 Latihan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kreativiti dalam pendidikan muzik?
2. Bagaimanakah faktor persekitaran mempengaruhi tingkah laku muzikal pelajar di bilik darjah?
3. Bincangkan teori pembelajaran muzik (music learning theory) yang dipelopori Edwin Gordon dalam meningkatkan kemahiran muzikal pelajar?



Rujukan

- Choksy. L., Abramson, R.M., Gillespie, A.E., & Woods D. (1986). *Teaching music in the twentieth century*. New Jersey: Prantice Hall Inc.
- Hargreaves. D.J., & Zimmerman. M.P. (1992), Development theories of Music learning. In R. Colwell (Ed), *Handbook of Research on Music Teaching and Learning*. New York: Schirmer Books.
- Hoffer, Charles R. (1985). *Teaching music in the secondary schools*. (4th ed). Belmont, California. Wadsworth Publication Co.
- Johami Abdullah, (1993). *Pendidikan muzik semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Reimer, B. (2002). *A Philosophy of Music Education: Advancing the Vision* (3rd Ed). London: Prentice Hall.

Tajuk 5	APLIKASI PSIKOLOGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MUZIK
----------------	---

5.0 Sinopsis


Dalam tajuk ini anda akan mempelajari tentang faktor-faktor psikologikal yang mempengaruhi tingkahlaku muzikal seseorang berdasarkan domain-domain pengajaran dan pembelajaran muzik. Di antara domain-domain pengajaran dan pembelajaran muzik yang dibincangkan adalah domain kognitif, afektif dan psikomotor. Domain kognitif berkait rapat dengan perkembangan pemikiran seseorang pelajar, sementara domain afektif pula melibatkan perkembangan sikap dan nilai pelajar manakala domain psikomotor berkenaan dengan perkembangan kemahiran fizikal pelajar.

5.1 Hasil Pembelajaran

Di akhir tajuk, anda seharusnya dapat;

- ✓ menghuraikan aplikasi psikologi dalam pengajaran dan pembelajaran muzik.
- ✓ mengamalkan pengetahuan psikologi dalam pelbagai situasi pengajaran dan pembelajaran muzik.

5.2 Kerangka Tajuk



5.3 Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Muzik

Pembelajaran adalah merujuk kepada kemahiran psikomotor dan mengingati maklumat. Oleh itu kaedah mengajar pendidikan muzik adalah bergantung kepada situasi, pelajar dan apa yang guru inginkan kumpulan pelajarinya belajar. Disebabkan oleh kepelbagaian aktiviti yang terlibat dalam proses pembelajaran muzik, maka tiga jenis atau domain pembelajaran telah dikenalpasti. Di antara tiga jenis atau domain pembelajaran yang terlibat adalah domain kognitif, domain psikomotor dan domain afektif. Dalam mengelaskan tahap kesukaran aktiviti yang terdapat dalam domain-domain tadi, taksonomi atau hirarki digunakan bagi merujuk kepada perkara-perkara tersebut.

5.3.1 Domain Kognitif (Taksonomi Bloom)

Domain Kognitif menekankan aspek intelektual seperti pengetahuan, pengertian dan ketrampilan berfikir. Menurut Hoffer (1985), Bloom telah membahagikan domain kognitif ke dalam enam aras yang dikategorikan ke dalam dua bahagian iaitu bahagian pertama dikenali sebagai pengetahuan (aras satu) dan bahagian kedua iaitu kemampuan dan keterampilan intelektual (aras dua hingga enam). Berikut merupakan taksonomi domain kognitif susunan Benjamin Bloom.

Aras	Definisi
1. Pengetahuan	Keupayaan mengingat fakta, idea, pendapat, prinsip, prosedur dan peristiwa yang berlaku tanpa melibatkan pemahaman. Sebagai contoh menamakan not-not yang terdapat pada klef trebel.
2. Kefahaman	Keupayaan menjelaskan pengetahuan secara yang bermakna dalam bentuk tulisan, lisan atau simbol tertentu. Sebagai contoh memahami fungsi kord tonik yang terdapat dalam muzik tonal.

3. Aplikasi	Keupayaan menggunakan konsep, prinsip, teori, hukum, prosedur dan kaedah am dalam situasi khusus atau am bagi menyelesaikan masalah. Sebagai contoh mengenalpasti kord tonik yang digunakan dalam pelbagai karya muzik.
4. Analisis	Keupayaan memecahkan sesuatu perkara kepada unsur-unsur kecil dan memperlihatkan pertalian antara unsur-unsur tersebut agar ianya mudah untuk difahami. Sebagai contoh menjelaskan unsur-unsur yang terdapat dalam sesuatu karya bagi membuktikan karya tersebut mempunyai ciri-ciri stail muzik zaman Romantik.
5. Sintesis	Keupayaan untuk menggabungkan pecahan-pecahan kecil kepada satu bahagian yang lebih besar dan yang baru. Sebagai contoh mengubah corak irama alat perkusi berdasarkan rentak inang.
6. Penilaian	Keupayaan untuk menilai sesuatu bahan untuk sesuatu tujuan tertentu. Sebagai contoh menetapkan kedudukan persembahan muzik berasaskan kepada keupayaan mempelbagaikan konsep muzik.

5.3.2 Domain Afektif (Taksonomi Krathwohl)

Krathwohl menghasilkan taksonomi dalam domain afektif. Domain afektif mempunyai perkaitan dengan emosi seperti perasaan, penghargaan dan sikap yang *enthusiastic*. Krathwohl mengkategorikan domain afektif dari penerimaan (*receiving*), tindak balas (*responding*), menilai (*valuing*), menyelaraskan sistem nilai (*organizing a value set*) dan mengamalkan sesuatu mengikut sistem nilai yang kompleks (*characterizing by value complex*). Berikut merupakan taksonomi bagi domain afektif yang disusun oleh Krathwohl.

Aras	Definisi
1. Penerimaan (<i>Receiving</i>)	Sedar tentang idea-idea tertentu, bahan atau fenomena dalam persekitarannya contohnya kesediaan untuk mendengar sebuah karya muzik zaman klasik
2. Tindakbalas (<i>Responding</i>)	Menunjukkan tingkah laku yang baru berdasarkan pengalaman contohnya kesanggupan untuk mengambil bahagian dalam satu persembahan koir.
3. Menilai (<i>Valuing</i>)	Menunjukkan penglibatan yang kekal contohnya membeli CD lagu genre muzik yang diminati.
4. Menyelaraskan sistem nilai (<i>Organization</i>)	Mengintegrasikan nilai baru dengan nilai yang sedia ada contohnya menghargai dan memelihara muzik tradisi warisan bangsa.
5. Mengamalkan sesuatu mengikut sistem nilai yang kompleks (<i>Characterization by value or value set</i>)	Menggunakan model yang dipelajari untuk memperkembangkan nilai contohnya sentiasa menyokong usaha untuk memelihara muzik irama Melayu asli dengan membeli CD muzik irama Melayu asli atau melibatkan diri dalam persembahan muzik, irama Melayu asli.

5.3.3 Domain Psikomotor (Simpson)

Domain psikomotor ialah berkenaan dengan pergerakan fizikal, koordinasi dan kegunaan kemahiran motor. Perkembangan untuk kemahiran ini memerlukan latihan dan penilaian melalui proses, ketetapan dan teknik. Berikut merupakan taksonomi psikomotor yang disusun oleh Elizebeth Simpson.

Aras	Definisi
1. Persepsi (<i>Perception</i>)	Menggunakan deria untuk aktiviti fizikal contohnya mendengar permainan piano bagi merasai perbezaan bunyi pic triad major dan triad minor.
2. Set (<i>Set</i>)	Bersedia untuk mengambil tindakan secara mental, fizikal dan emosi contohnya mempelajari cara yang sesuai untuk memainkan alat muzik cello.
3. Respon yang dipandu (<i>Guided response</i>)	Bertindak samada dalam bentuk imitasi atau melalui process ' <i>trial and error</i> ' secara berpandu contohnya memainkan skel major pada piano semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
4. Mekanisme (<i>Mechanism</i>)	Keupayaan melakukan kemahiran yang kompleks contohnya permainan piano yang melibatkan tangan kiri dan tangan kanan bagi menghasilkan lagu.
5. Tindakbalas kompleks (<i>Complex or overt response</i>)	Ia melibatkan penggunaan kemahiran yang kompleks contohnya kebolehan bermain piano sonata ciptaan Beethoven dengan baik.
6. Adaptasi (<i>Adaptation</i>)	Dapat mengadaptasi sesuatu kemahiran motor dalam situasi baru. Contohnya menggunakan kemahiran klarinet dalam memainkan alat muzik soprano seksofon.
7. Keaslian (<i>Origination</i>)	Memperkembangkan kemahiran motor baru dengan sendiri untuk berhadapan dengan situasi baru contohnya Franz Liszt menyesuaikan teknik violin Paganini dalam permainan pianonya.



Aktiviti 5.3.1

Sediakan pengurusan grafik berkaitan dengan domain-domain pengajaran dan pembelajaran muzik.

5.3.4 Hasil Pembelajaran Muzikal Dalam Bentuk Tingkahlaku

Hasil pembelajaran muzikal dalam bentuk tingkahlaku adalah berdasarkan domain kognitif, domain afektif atau domain psikomotor. Berikut adalah beberapa contoh hasil pembelajaran muzikal dalam bentuk tingkahlaku dari domain kognitif, afektif dan psikomotor.

Domain kognitif

Aras pengetahuan – *menamakan not yang terdapat pada garisan baluk klef trebel.*

Aras kefahaman – *mengisikan garis bar pada beberapa frasa lagu berpandukan tanda masa.*

Aras aplikasi – *melengkapkan ruang yang dikosongkan pada frasa lagu dengan not dan tanda rehat yang sesuai dengan tanda masa.*

Aras analisis – *menjelaskan unsur-unsur muzik yang terdapat dalam ensembel gamelan Melayu.*

Aras sintesis – *mencipta melodi lagu menggunakan skel pentatonik*

Aras penilaian - *mentafsir atau mengesan unsur pengulangan ritma dalam frasa lagu.*

Domain afektif

Aras penerimaan – *mendengar dan menghayati teknik nyanyian yang digunakan dalam lagu irama Melayu Asli .*

Aras tindak balas – *menyanyikan lagu "Patah Hati" dengan menggunakan teknik nyanyian irama Melayu Asli.*

Aras menilai – *membeli CD muzik irama Melayu Asli yang diminati.*

Aras menyelaraskan sistem nilai – *menghargai dan memelihara keaslian muzik irama Melayu Asli.*

Aras mengamalkan sesuatu mengikut sistem nilai yang kompleks – *melibatkan diri dalam persembahan muzik irama Melayu asli.*

Domain psikomotor

Aras persepsi - *mendengar petikan gitar guru dan merasai perbezaan skel major dan minor .*

Aras set - *mempelajari teknik penjarian yang sesuai untuk memainkan tanggana D major pada alat muzik kibod.*

Aras respon yang dipandu – *meniup rekoder skel F major dengan iringan piano yang dimainkan oleh guru.*

Aras mekanisme – *bermain gitar sambil menyanyikan lagu "Saya Anak Malaysia".*

Aras tindak balas kompleks – *meniup kaunter lagu rekoder mengiringi lagu "Satu Malaysia" dengan teknik pernafasan yang betul.*

Aras adaptasi - *menggunakan teknik permainan kompang dalam memainkan alat muzik gendang ensemble gamelan.*

Aras keaslian - *menyesuaikan teknik mnemonik dalam permainan drum.*

Berdasarkan contoh-contoh hasil pembelajaran yang diberikan tadi dapatlah kita membezakan hasil pembelajaran pengajaran dan pembelajaran muzik domain kognitif, afektif dan psikomotor dengan lebih jelas. Misalnya perbezaan hasil pembelajaran domain kognitif dengan domain afektif adalah berkaitan dengan aras peningkatan komitmen dan sikap berbanding dengan aras keintelektualan. Justeru dalam merencanakan satu sesi pengajaran dan pembelajaran muzik yang berkesan, contoh-contoh hasil pembelajaran yang diberikan tadi boleh dijadikan sebagai panduan dalam mencapai matlamat pendidikan muzik di sekolah.



5.4 Latihan

1. Mengapakah kaedah mengajar pendidikan muzik bergantung kepada hasil pembelajaran, situasi dan pelajar?
2. Bincangkan perbezaan hasil pembelajaran domain kognitif, domain afektif dan domain psikomotor dalam konteks mata pelajaran pendidikan muzik.



Rujukan

Hoffer, Charles R. (1985). *Teaching music in the secondary schools*. (4th ed). Belmont, California. Wadsworth Publication Co.

Johami Abdullah, (1993). *Pendidikan muzik semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.